
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JTW 211/JTW 212/JTW 213 – Perakaunan Pengurusan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

SOALAN 1 [25 markah]

Syarikat Timur Megah terlibat dalam pengeluaran komponen komputer. Pengeluaran komponen ini melibatkan dua jabatan pengeluaran iaitu jabatan X dan jabatan Y. Semua kos pengeluaran dikenakan secara seragam pada sepanjang aktiviti pemprosesan. Kos pengeluaran ditentukan menggunakan kaedah purata wajaran. Data di bawah merupakan data pengeluaran untuk bulan Jun 2016 di jabatan X.

Tarikh	Maklumat								
1 Jun 2016	(a) Terdapat 12 000 unit produk yang mempunyai peratusan siap 75%. (b) Kos yang dilibatkan. <table border="1" data-bbox="598 806 1177 963" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>Jenis kos</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bahan langsung</td> <td>18 000</td> </tr> <tr> <td>Buruh langsung</td> <td>6 000</td> </tr> <tr> <td>Overhed kilang</td> <td>3 000</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis kos	RM	Bahan langsung	18 000	Buruh langsung	6 000	Overhed kilang	3 000
Jenis kos	RM								
Bahan langsung	18 000								
Buruh langsung	6 000								
Overhed kilang	3 000								
30 Jun 2016	(a) Terdapat 10 000 unit produk yang mempunyai peratusan siap 25%.								

Maklumat Tambahan: Pada sepanjang bulan Jun, sebanyak 35 000 unit produk berjaya disediakan. Kos yang terlibat ialah:

Bahan langsung	Buruh langsung	Overhed kilang
RM40 000	RM20 000	RM10 000

Tentukan:

- (a) Unit setara untuk setiap jenis kos. (13 markah)
- (b) Kos seunit setara. (4 markah)
- (c) Kos dipindah keluar. (4 markah)
- (d) Kos inventori akhir Kerja Dalam Proses. (4 markah)

SOALAN 2 [25 markah]

Syarikat Tanah Emas mengeluarkan produk kraf tradisional. Kapasiti pengeluaran sekarang ialah 75% daripada kapasiti penuh. Kapasiti pengeluaran penuh ialah 3 000 unit. Harga jualan seunit ialah RM100. Kos pengeluaran yang sedang ditanggung adalah seperti berikut:

Jenis Kos	Kos seunit (RM)	Jumlah Kos (RM)
Kos berubah	35	73 500
Kos tetap		24 000

Syarikat Java membuat tempahan khas sebanyak 800 unit pada harga RM75.

- (a) Patutkah tempahan ini diterima (tunjukkan pengiraan). (15 markah)
- (b) Senaraikan **LIMA (5)** faktor kualitatif dalam membuat keputusan berkaitan tempahan khas ini. (10 markah)

SOALAN 3 [25 markah]

Bincangkan Model Pematuhan Ekonomi dengan memberi penjelasan berkaitan.

- (a) Definisi berserta contoh untuk setiap kategori kos kualiti. (12 markah)
- (b) Lakarkan graf Model Pematuhan Ekonomi. (8 markah)
- (c) Peranan titik ECL (Tahap Pematuhan Ekonomi). (5 markah)

SOALAN 4 [25 markah]

- (a) Maklumat berikut diberikan kepada anda:
- Baki tunai pada 1 Januari 2016 ialah RM120 000.
 - Anggaran unit jualan normal tahun 2016 untuk setiap bulan ialah 500 unit dengan harga jualan RM100.
 - Jualan tunai adalah 40% daripada jumlah jualan dan bakinya adalah jualan kredit.

4. Penghutang menjelaskan hutang mengikut anggaran 75% dalam bulan selepas bulan jualan dan bakinya dalam bulan seterusnya.
5. Rekod jualan bulanan normal untuk tahun 2015 ialah 450 unit sebulan. Harga jualan pada tahun 2015 ialah RM90 seunit.
6. Kos belian inventori ialah RM40. Belian dibuat setiap bulan secara kredit pada kuantiti 550 unit.
7. Belian kredit akan dibayar mengikut jadual iaitu bulan selepas belian sebanyak 25% dan bakinya dalam bulan seterusnya.

Sediakan belanjawan berikut untuk tempoh Januari hingga April 2016.

- | | |
|------------------------|------------|
| (i) Belanjawan jualan | (6 markah) |
| (ii) Belanjawan belian | (6 markah) |
| (iii) Belanjawan tunai | (6 markah) |

(b) Maklumat berikut diberikan kepada anda.

<p>Unit jualan anggaran bulanan ialah 30 000 unit. Inventori pada awal bulan ialah 8 000 unit. Inventori pada akhir bulan ialah 30% daripada inventori pada awal setiap bulan.</p>
--

Sediakan belanjawan pengeluaran untuk empat bulan pertama.

(7 markah)